

16 NOV 1999

SENARAI PERAK DIJANGKA 24 JAM SEBELUM PENCALONAN

IPOH, 16 Nov (Bernama) -- Senarai bakal calon Barisan Nasional (BN) untuk Perak dijangka diterima selewat-lewatnya 24 jam sebelum hari pencalonan bagi memberikan masa untuk mereka membuat persiapan sewajarnya.

Menteri Besar Tan Sri Ramli Ngah Talib berkata walaupun beliau mengadakan perjumpaan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam, ia hanya untuk menganalisis senarai yang dikemukakan oleh BN negeri.

"Keputusan muktamad belum diterima sehingga kini," katanya kepada pemberita selepas mengadakan perjumpaan dengan anggota-anggota veteran parti komponen BN di kediamannya hari ini.

Beliau berkata masa 24 jam adalah mencukupi bagi muka-muka baru membuat persiapan seperti menukar alamat, meletak jawatan sebelum mengemukakan borang pencalonan mereka pada Sabtu ini.

Ramli dijangka mengumumkan senarai bakal calon BN dan menyerahkan surat tauliah kepada mereka pada petang Jumaat ini.

Dalam ucapannya, Ramli berharap anggota veteran parti komponen BN dapat membantu calon-calon BN untuk mengalahkan parti pembangkang.

-- BERNAMA

HK NMO